

A

**FELCRA BHD**

**lwn.**

**TAN KOW EE ENTERPRISE SDN BHD**

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH  
ABD HALIM AMAN PK  
[GUAMAN SIVIL NO: 22-10-2003]  
15 FEBRUARI 2006

C

**PROSEDUR SIVIL:** Penghinaan mahkamah - Perintah komital - Kegagalan mematuhi akuanji yang terkandung dalam perintah persetujuan - Sama ada defendan-defendant telah melakukan perbuatan menghina mahkamah - Sama ada perintah pengkomitan wajar dikeluarkan

D

Penentuan notis usul di KM(46) ini adalah berlandaskan kepada perintah mahkamah di mana satu Tan Kow Ee dan Khor Ah Sut @ Kher Ah Sut, pengarah-pengarah defendant pertama menunjukkan sebab mengapa mereka tidak patut dikomit ke penjara kerana gagal mematuhi akuanji mereka seperti yang terkandung di dalam perintah persetujuan yang telah direkodkan pada 6 Ogos 2004. Defendant Tan Kow Ee telah meninggal dunia sebelum pendengaran notis usul di KM(46) ini dapat didengar, maka tindakan terhadap mendiang itu adalah dengan sendirinya gugur.

E

Khor Ah Sut, isteri mendiang, sebagai salah seorang dari pengarah syarikat defendant pertama, dibawa bagi menghadapi prosiding di mahkamah ini. Dalam affidavit di KM(52) mendiang Tan Kow Ee menyatakan bahawa beliau mengakui bahawa beliau adalah seorang pengarah bagi syarikat Tan Kow Ee Enterprise Sdn Bhd. Apabila disampaikan dengan saman penghutang penghakiman, beliau telah diminta hadir bicara pada 6 Ogos 2004. Dinyatakan bahawa beliau dan isterinya itu berada di dalam kegelapan apabila dipanggil untuk menghadiri pendengaran saman penghutang penghakiman.

F

Dinyatakan yang beliau tidak berkemampuan untuk menyediakan RM100,000 hingga RM200,000 untuk dibayar kepada plaintiff seperti yang diminta oleh plaintiff dan menyatakan yang kemampuan beliau adalah setakat RM10,000 ke RM20,000. Seterusnya, semasa prosiding di dalam kamar penolong kanan pendaftar pula, dinyatakan bahawa beliau dan isterinya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan terhadap apa-apa yang sedang berlaku. Beliau menafikan mengakui yang penghakiman persetujuan telah dimasukkan terhadap mereka berdua. Lantas dinyatakan: (a)

G

perintah persetujuan yang diperolehi plaintiff itu dilakukan di atas

H

diminta oleh plaintiff dan menyatakan yang kemampuan beliau adalah setakat RM10,000 ke RM20,000. Seterusnya, semasa prosiding di dalam kamar penolong kanan pendaftar pula, dinyatakan bahawa beliau dan isterinya tidak mempunyai apa-apa

I

pengetahuan terhadap apa-apa yang sedang berlaku. Beliau menafikan mengakui yang penghakiman persetujuan telah dimasukkan terhadap mereka berdua. Lantas dinyatakan: (a)

representasi yang tidak tepat oleh wakil plaintif; (b) tiada apa-apa persetujuan dicapai di antara beliau, isteri dan defendant pertama dengan plaintif untuk bayaran dilakukan kepada plaintif; (c) tiada apa-apa penjelasan diberikan kepada beliau dan isterinya tentang efek perintah persetujuan yang didakwa oleh plaintif. Lantas dinyatakan bahawa defendant-defendant tidak patut dikomit ke penjara. Bagi pihak plaintif pula, dinyatakan bahawa pada 6 Ogos 2004, defendant Tan Kow Ee telah menawarkan satu cek lewat tarikh berjumlah RM10,000 dan seterusnya defendant-defendant setuju untuk kemukakan bayaran selanjutnya pada atau sebelum akhir Ogos 2004. Dinyatakan seterusnya yang perintah persetujuan telah dicatat oleh penolong kanan pendaftar setelah diterangkan akan kandungan natijah serta akibat perintah itu kepada defendant-defendant.

**Diputuskan:**

- (1) Bagi sesuatu prosiding komital adalah kedudukan undang-undang bahawa peguam pemohon perlu membuktikan kepada mahkamah di tahap melampau sebarang keraguan yang munasabah' bahawa semua prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang telah dipatuhi bagi membuktikan bahawa defendant sememangnya telah melakukan perbuatan menghina mahkamah seperti yang dipertuduhkan ke atasnya. (perenggan 12)
- (2) Berdasarkan nota keterangan penolong kanan pendaftar bertarikh 6 Ogos 2004, kedua-dua defendant telah hadir di hadapan penolong kanan pendaftar dan mengesahkan apa yang dimaklumkan oleh peguamcara plaintif bahawa mereka akan membuat bayaran-bayaran seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Berdasarkan pengesahan mereka, penolong kanan pendaftar telah merekodkan perintah persetujuan dan tidak meneruskan dengan pemeriksaan penghutang penghakiman. Pada peringkat ini, apa yang perlu defendant lakukan ialah menimbulkan apa-apa ketidakpastian itu terus kepada penolong kanan pendaftar ketika itu sebelum perintah persetujuan direkodkan. Akan tetapi mereka telah gagal berbuat demikian. (perenggan 16)

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A (3) Alasan defendan bahawa beliau tidak mempunyai peguam dan tidak memahami Bahasa Malaysia mahupun Bahasa Inggeris tidak dapat diterima oleh mahkamah memandangkan sepetimana dinyatakan oleh peguamcara plaintif dalam hujahan balas mereka, semasa perintah persetujuan direkodkan, salah seorang peguam plaintif yang berbangsa Cina telah hadir sama pada masa itu dan menerangkan akan kesan perintah persetujuan kepada mereka berdua. Juga, adalah tidak munasabah untuk diterima sebagai hakikat bahawa kedua-dua defendan langsung tidak faham Bahasa Malaysia sedangkan mereka dapat mengendalikan perniagaan yang bernilai jutaan ringgit dengan pihak FELCRA. Tidak mungkin segala urusan perniagaan di antara mereka dijalankan melalui perkhidmatan jurubahasa sematanya. Ini sukar untuk diterima. (perenggan 16)
- B (4) Seterusnya, perbuatan defendan menyerahkan cek Maybank berjumlah RM10,000 kepada peguam plaintif pada tarikh perintah persetujuan direkodkan jelas menunjukkan bahawa mereka sebenarnya memahami apa yang sedang berlaku. Walaubagaimanapun, cek tersebut telah ‘ditendang’ oleh pihak bank tanpa dapat ditunaikan. Defendan sehingga ke hari ini tidak menggantikan cek tersebut mahupun membayar jumlah-jumlah yang ditetapkan mengikut jadual. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa defendan dengan sengaja telah mengengkari perintah persetujuan bertarikh 6 Ogos 2004 tersebut. (perenggan 16)
- C (5) Di sepanjang sembilan kali prosiding di peringkat saman penghutang penghakiman, pihak defendan tidak pernah memfailkan apa-apa permohonan untuk mengenepikan perintah persetujuan itu. Malahan mengikut rekod, defendan-defendan tidak pernah membangkitkan sebarang bantahan ataupun cubaan bagi mengenepikan perintah tersebut. Perkara untuk ketepikan perintah persetujuan ini hanya dibangkitkan oleh peguam defendan semasa beliau berhujah di depan mahkamah pada tarikh pendengaran notis usul ini, pada 6 Disember 2005 – iaitu selepas hampir 1 1/2 tahun perintah persetujuan dirakamkan. Walaupun dengan tanpa menyentuh merit kes, keikhlasan pihak defendan di sini jelas diragui. (perenggan 16)
- I

- (6) Alasan defendan Khor Ah Sut bahawa beliau hanya seorang suri rumah dan tidak tahu menahu tentang urusan perniagaan tidak boleh diterima memandangkan beliau merupakan salah seorang pengarah syarikat defendan pertama (s. 4 Akta Syarikat 1965). (perenggan 16) A
- (7) Jelas bahawa Tan Kow Ee dan Khor Ah Sut telah diberi peluang secukupnya untuk mematuhi perintah mahkamah bertarikh 6 Ogos itu, tetapi keduanya gagal mematuhi perintah persetujuan itu. Kegagalan mereka berdua ini dengan jelas adalah merupakan satu penghinaan kepada perintah mahkamah yang dirakamkan secara persetujuan lantas menghalang proses keadilan dari dilaksanakan. Dalam keadaan Tan Kow Ee telah meninggal dunia menunjukkan Khor Ah Sut sebagai pengarah syarikat kepada defendan pertama, maka perintah penghinaan terhadap mahkamah ini adalah dicatitkan terhadap Khor Ah Sut. Oleh itu, jelaslah suatu perintah pengkomitan wajar dikeluarkan dan dengan ini dicatatkan terhadap Tan Kow Ee dan Khor Ah Sut akibat dari kegagalan mematuhi perintah persetujuan mahkamah. (perenggan 16) B

[Perintah seharusnya.] C

**Kes-kes yang dirujuk:**

*MBf Holding Bhd & Anor v. Houng Hai Kong & Ors [1993] 3 CLJ 373  
HC (dirujuk)*

*Sivalingam S Ponniah & Ors kwn. Balakrishnan S Ponniah [2003] 3 MLJ 353 (dirujuk)* F

**Perundangan yang dirujuk:**

Companies Act 1965, s. 4

Bagi pihak plaintif - Siti Afnani Aminudin; T/n Azmi & Assoc  
Bagi pihak defendant - Ben Lee Kam Foo; T/n Ken Yong & Ben Lee G

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

**PENGHAKIMAN** H

**Abd Halim Aman PK:**

[1] Penentuan notis usul di KM (46) ini adalah berlandaskan kepada perintah mahkamah bertarikh 14 Julai 2005 di mana Tan Kow Ee, pengarah syarikat defendan pertama dan Khor Ah Sut @ Kher Ah Sut juga pengarah defendan pertama menunjukkan I

- A sebab mengapa mereka tidak patut dikomit ke penjara kerana gagal mematuhi akuanji mereka masing-masing seperti yang terkandung di dalam perintah persetujuan yang telah direkodkan pada tarikh 6 Ogos 2004.
- B [2] Melalui notis usul itu juga, di samping perintah komital yang dipohon itu, juga yang dipohon adalah kos dan lain-lain relif yang difikirkan adil, wajar dan suai manfaat. Notis usul, kenyataan plaintiff dan affidavit-afidavit plaintiff bertarikh 28 Julai 2005, 17 Januari 2005 dan 15 Januari 2005 telah disampaikan kepada kedua-dua defendant ini dengan sewajarnya. Dan hakikatnya, seperti yang kita sedia maklum, defendant Tan Kow Ee telah meninggal dunia dalam keadaan yang amat menyedihkan sebelum pendengaran notis usul di KM (46) ini terhadap beliau dapat didengar. Dan selaras dengan kedudukan undang-undang, maka tindakan terhadap mendiang itu adalah dengan sendirinya gugur bilamana bukti kematian mendiang itu dibuktikan melalui pengemukaan salinan sijil kematian seperti yang dikepulkan melalui affidavit oleh Khor Ah Sut, isteri mendiang yang terkandung di KM (70). Dan Khor Ah Sut @ Kher Ah Sut, sebagai salah seorang dari pengarah syarikat defendant pertama dibawa bagi menghadapi prosiding di mahkamah ini di atas kapasiti beliau seperti yang dinyatakan itu berdasarkan kepada peruntukan s. 4 Akta Syarikat 1965.
- C [3] Di dalam kenyataan plaintiff seperti yang terkandung di KM (37), diperincikan satu persatu akan hubungkait kedua-dua defendant ini di dalam prosiding hari ini dari segi kapasiti mereka serta kepada intipati prosiding yang berlangsung pada 6 Ogos 2004 dihadapan Penolong Kanan Pendaftar serta juga kepada peristiwa-peristiwa selanjutnya seperti yang dinyatakan di para 7, 8, dan 9 kenyataan tersebut. Manakala melalui affidavit sokongan plaintiff yang diikrarkan oleh Encik Samian bin Mohd Ali semasa disailkan bagi menyokong permohonan untuk kebenaran bagi mengambil tindakan penghinaan ini (KM (36)), telah dihuraikan akan perkara seperti yang disebut di dalam kenyataan plaintiff tadi khususnya terhadap prosiding di hadapan Penolong Kanan Pendaftar pada tarikh 6 Ogos 2004 itu serta kepada tindakan-tindakan susulan seterusnya.
- D [4] Di dalam membantah permohonan melalui notis usul ini, pihak defendant-defendant telah memfailkan beberapa affidavit jawapan seperti affidavit yang diikrarkan oleh Tan Kow Ee yang terkandung di KM (52) dan affidavit yang diikrarkan oleh Khor Ah Sut @ Kher Ah Sut yang terkandung di KM (65).

[5] Manakala di pihak plaintif pula, selain dari pemfailan kenyataan dan affidavit sokongan yang dinyatakan di awal tadi turut difailkan adalah affidavit jawapan yang diikrarkan oleh Sam Wei Cheah, peguam plaintif seperti yang terdapat di KM (60).

A

[6] Perintah *ex parte* untuk mendapatkan kebenaran terhadap notis usul ini telah dikeluarkan oleh mahkamah ini pada tarikh 14 Julai 2005. Pendengaran terhadap notis usul ini telah ditangguhkan beberapa kali di atas alasan-alasan tertentu yang dikemukakan oleh pihak-pihak sehingga ianya didengar sepenuhnya oleh saya pada tarikh 6 Disember 2005 yang lalu dengan pengemukaan keterangan oleh Khor Ah Sut sendiri serta penghujahan oleh para peguam.

B

C

[7] Terlebih dahulu, elok rasanya diteliti akan isi kandungan setiap affidavit yang telah difailkan itu. Melalui affidavit di KM (52) mendiang Tan Kow Ee menyatakan bahawa beliau mengakui bahawa beliau adalah seorang pengarah bagi syarikat yang dinamakan Tan Kow Ee Enterprise Sdn. Bhd. Apabila disampaikan dengan saman penghutang penghakiman, beliau lalu menyerahkannya kepada peguam beliau terdahulu, iaitu Encik N. Pathmanathan. Menurutnya, peguamnya itu telah minta beliau hadir bicara pada 6 Ogos 2004 itu dan memohon penangguhan sementara menunggu perlantikan peguamcara secara rasmi. Dinyatakan yang beliau dan isterinya itu berada di dalam kegelapan apabila dipanggil untuk menghadiri pendengaran saman penghutang penghakiman ini. Dinyatakan yang beliau tidak berkemampuan untuk menyediakan RM100,000 hingga RM200,000 untuk dibayar kepada pihak plaintif seperti yang diminta oleh peguam plaintif, Encik Musa dan menyatakan yang kemampuan beliau adalah setakat RM10,000 ke RM20,000 yang menurutnya boleh dipinjam dari kawan-kawannya. Semasa prosiding di dalam kamar Penolong Kanan Pendaftar dinyatakan bahawa beliau dan isterinya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan terhadap apa-apa yang sedang berlaku. Juga dinyatakan tiada sebarang soalan ditanya kepada mereka mahupun penerangan dilakukan kepada mereka berdua. Beliau menafikan mengakui yang penghakiman persetujuan telah dimasukkan terhadap mereka berdua. Semasa prosiding itu, dinyatakan yang beliau, isterinya dan defandan pertama tidak diwakili oleh peguam. Lantas dinyatakan:

D

E

F

G

H

- (i) Perintah persetujuan yang diperolehi plaintif itu dilakukan diatas representasi yang tidak tepat oleh wakil plaintif.

I

- A (ii) tiada apa-apa persetujuan dicapai di antara beliau, isteri dan defendant pertama dengan plaintif untuk bayaran dilakukan kepada plaintif.
- (iii) tiada apa-apa penjelasan diberikan kepada beliau dan isterinya tentang efek perintah persetujuan yang didakwa oleh plaintif.
- B [8] Peguam plaintif dinyatakan telah memberi gambaran yang tidak tepat dan beliau menafikan yang beliau melakukan penghinaan mahkamah. Cek RM10,000 itu dinyatakan telah diberi pinjaman jumlahnya oleh pihak ketiga.
- C [9] Sam Wei Cheah pula, melalui affidavit bertarikh 25 Oktober 2005 di KM (60) menyatakan bahawa pada prosiding bertarikh 6 Ogos 2004 itu, beliau bersama Encik Mohd Musa dan YM Raja Ahmad Mohzanuddin Shah telah hadir bagi pihak plaintif. Di luar kamar Penolong Kanan Pendaftar dinyatakan yang Encik Mohd Musa telah menanyakan akan kemampuan defendant-defendant untuk menyelesaikan jumlah penghakiman dan menanyakan sama ada defendant-defendant mahu membuat sebarang penyelesaian. Seterusnya, setelah diterangkan yang defendant-defendant dan setiausaha syarikat Encik Appalasaimy a/l Supparoo yang hadir diketika itu akan diperiksa oleh mahkamah, bagi memastikan kemampuan defendant-defendant membayar hutang, defendant Tan Kow Ee dinyatakan telah menawarkan satu cek lewat tarikh berjumlah RM10,000 kepadanya. Dinyatakan seterusnya defendant-defendant setuju untuk kemukakan bayaran selanjutnya sekurang-kurangnya RM100,000 dan setakat RM300,000 pada atau sebelum akhir Ogos 2004. Dinyatakan seterusnya yang perintah persetujuan telah dicatat oleh Penolong Kanan Pendaftar setelah diterangkan akan kandungan natijah serta akibat perintah itu kepada kedua-dua defendant. Dinyatakan juga bahawa pada hari bicara penghutang penghakiman yang diadakan pada 18 April 2005, 19 Jun 2005 dan 28 Julai 2005, defendant-defendant yang telah diwakili oleh Tetuan Sazali & Lim telah tidak membangkitkan perintah persetujuan itu. Dinyatakan bahawa perintah persetujuan itu telah dicatit secara sukarela dan tanpa paksaan oleh mana-mana pihak. Dihujahkan yang walaupun perintah persetujuan itu telah disampaikan dengan segera namun tiada permohonan difailkan untuk ketepikan perintah persetujuan itu, walaupun, defendant-defendant telah diberi peluang yang secukupnya serta telah diberi nasihat peguam.
- I

[10] Manakala Khor Ah Sut pula di dalam affidavit yang diikrarkan bertarikh 25 November 2005 di KM (65) menyatakan antara lainnya bahawa beliau dan suaminya tidak faham apa yang perlu dibicarakan dan menafikan terdapat persetujuan untuk membuat bayaran kepada pihak plaintif. Menurutnya, apa yang ada diberitahu kepada Encik Musa adalah mereka akan cuba mendapatkan pinjaman daripada kawan mereka. Beliau menyatakan bahawa pada hari perbicaraan itu iaitu pada 6 Ogos 2004 itu, beliau tidak faham apa yang sedang berlaku di dalam kamar Penolong Kanan Pendaftar dan beliau tidak faham kesan daripada apa-apa yang direkodkan semasa berada di dalam kamar Penolong Kanan Pendaftar itu. Diulangi bahawa Encik Appalasamy a/l Supparoo – setiausaha syarikat tidak pernah menerangkan dengan jelas bahawa mahkamah akan merekodkan perintah persetujuan terhadap defendant-defendant. Lantas dinyatakan bahawa mereka tidak patut dikomit ke penjara.

A

B

C

D

E

F

G

H

I

[11] Manakala di dalam keterangan beliau di mahkamah, Khor Ah Sut telah memberikan keterangan menafikan kesemua perkara baik dari segi pengetahuan tentang prosiding kes pada 6 Ogos 2004 mahupun kepada perkara notis usul ini yang mana menurutnya ia semata-mata diuruskan oleh mendiang suaminya.

[12] Bagi sesuatu prosiding komital adalah kedudukan undang-undang bahawa peguam pemohon perlu membuktikan kepada mahkamah di tahap ‘melampaui sebarang keraguan yang munasabah’ bahawa semua prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang telah dipatuhi bagi membuktikan bahawa defendant sememangnya telah melakukan perbuatan menghina mahkamah seperti yang dipertuduhkan ke atasnya.

[13] Ini berdasarkan keputusan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di dalam kes *Sivalingam a/l S. Ponniah & Ors lwn. Balakrishnan a/l S. Ponniah* [2003] 3 MLJ 353 dan juga dibeberapa kes yang lain yang menekankan kepada prinsip yang serupa.

[14] Di dalam tindakan ini, notis usul KM (46) beserta affidavit plaintif telah diserahkan kepada defendant-defendant berdasarkan affidavit penyampaian Ramlee bin Abdul Rahman @ Wong Soon seperti yang tertera di (kandungan 51).

- A [15] Selanjutnya, pihak pemohon perlulah juga membuktikan di tahap yang melampaui sebarang keraguan yang munasabah, (memandangkan ini adalah merupakan kes quasi-jenayah), bahawa defendant telah melakukan perbuatan menghina mahkamah.
- B [16] Di dalam menimbangkan permohonan seperti ini, rekod prosiding adalah perkara material yang perlu diteliti, khusus untuk melihat sama ada prosedur yang digariskan itu telah dipatuhi sepenuhnya sebelum dapat ditentukan subjek yang menjadi permohonan ini. Ini hanya dapat dilakukan berdasarkan kepada catatan dan catatan yang terdapat di dalam fail mahkamah seperti berikut:
  - (i) Berdasarkan nota keterangan Penolong Kanan Pendaftar bertarikh 6 Ogos 2004, kedua-dua defendant telah hadir di hadapan Penolong Kanan Pendaftar dan mengesahkan apa yang dimaklumkan oleh peguamcara plaintif bahawa mereka akan membuat bayaran-bayaran seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Berdasarkan pengesahan mereka, Penolong Kanan Pendaftar telah merekodkan perintah persetujuan dan tidak meneruskan dengan pemeriksaan penghutang penghakiman.
- C D E F G H I
- D Pada peringkat ini apa yang perlu defendant lakukan ialah menimbulkan apa-apa ketidakpastian itu terus kepada Penolong Kanan Pendaftar diketika itu sebelum perintah persetujuan direkodkan. Akan tetapi mereka telah gagal berbuat demikian.
- E
- F (ii) Alasan defendant bahawa beliau tidak mempunyai peguam dan tidak memahami Bahasa Malaysia mahupun Bahasa Inggeris tidak dapat diterima oleh mahkamah memandangkan sepertimana dinyatakan oleh peguamcara plaintif dalam hujahan balas mereka, semasa perintah persetujuan direkodkan, salah seorang peguam plaintif yang berbangsa Cina telah hadir sama pada masa itu dan menerangkan akan kesan perintah persetujuan kepada mereka berdua. Juga, adalah tidak munasabah untuk diterima sebagai hakikat bahawa kedua-dua defendant langsung tidak faham Bahasa Malaysia sedangkan mereka dapat mengendalikan perniagaan yang bernilai jutaan ringgit dengan pihak FELCRA. Tidak mungkin segala urusan perniagaan di antara mereka dijalankan melalui perkhidmatan jurubahasa sematanya. Ini sukar untuk diterima.
- G
- H
- I

- (iii) Seterusnya, perbuatan defendan menyerahkan cek Maybank berjumlah RM10,000 kepada peguam plaintif pada tarikh perintah persetujuan direkodkan jelas menunjukkan bahawa mereka sebenarnya memahami apa yang sedang berlaku. Walaubagaimanapun, cek tersebut telah “ditendang” oleh pihak bank tanpa dapat ditunaikan. Defendan sehingga ke hari ini tidak menggantikan cek tersebut mahupun membayar jumlah-jumlah yang ditetapkan mengikut jadual. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa defendan dengan sengaja telah mengengkari perintah persetujuan bertarikh 6 Ogos 2004 tersebut. A
- (iv) Tambahan pula, pihak defendan tidak langsung memfailkan permohonan untuk mengenepikan perintah persetujuan tersebut mahupun perintah *ex parte* yang dikeluarkan bertarikh 14 Julai 2005 yang memberangkan notis usul ini difailkan. Benar seperti yang dihujahkan oleh peguam cara plaintif bahawa, di sepanjang sembilan (9) kali prosiding diperangkat saman pengutang penghakiman, pihak defendan tidak pernah memfailkan apa-apa permohonan untuk mengenepikan perintah persetujuan itu. Malahan mengikut rekod, defendan-defendan ini selepas dari tarikh perintah persetujuan ini direkodkan, pernah diwakili oleh peguam dari tetuan Sazali & Lim, tetapi tidak pernah dibangkitkan sebarang bantahan ataupun cubaan bagi mengenepikan perintah tersebut. Perkara untuk ketepikan perintah persetujuan ini hanya dibangkitkan oleh peguam defendan semasa beliau berhujah di depan saya pada tarikh pendengaran notis usul ini, pada 6 Disember 2005 – iaitu selepas hampir 1 1/2 tahun perintah persetujuan itu dirakamkan. Itu pun hanya secara lisan dengan tanpa permohonan secara formal dilakukan. Di sini, walaupun dengan tanpa menyentuh merit kes, keikhlasan pihak defendan di sini jelas diragui. Seandainya benar ingin diketepikan perintah persetujuan itu, setidak-tidaknya deraf permohonan wajar dikepulkan sama di peringkat itu. Hatta di masa kini pun tiada terdapat permohonan sedemikian rupa dimasukkan. Bolehlah dianggapkan bahawa ianya sebagai percubaan semata tanpa disertakan dengan kesungguhan. B
- C
- D
- E
- F
- G
- H
- I

- A (v) Alasan defendan Khor Ah Sut @ Kher Ah Sut bahawa beliau hanya seorang suri rumah dan tidak tahu menahu tentang urusan perniagaan tidak juga boleh diterima memandangkan beliau merupakan salah seorang pengarah syarikat defendan pertama dan peruntukkan s. 4 Akta Syarikat 1965 dengan jelas menyatakan bahawa:

officer in relation to a corporation includes any director.

Oleh yang demikian berbalik kepada dua pra-syarat seperti yang dinyatakan tadi, iaitu:

- C (i) Sama ada semua prosedur dan penentuan yang ditetapkan bagi membolehkan suatu perintah komittal dikeluarkan, telah dipenuhi, dan
- D (ii) Sama ada defendan-defendant bersalah terhadap penyataan-penyataan atau pun pertuduhan seperti yang dibuat ke atas mereka,

E daripada apa yang dihuraikan dari bentuk kronologi kes hingga kepada ulasan penghujahan, jelas bahawa jawapan terhadap kedua-dua persoalan tersebut di atas telah dijawab secara ‘affirmative’. Dan selaras dengan prinsip yang diputuskan di dalam kes *MBF Holding Bhd. & Anor v. Houng Hai Kong & Ors.* [1993] 3 CLJ 373, jelas bahawa Tan Kow Ee dan Khor Ah Sut telah diberi peluang secukupnya untuk mematuhi perintah mahkamah bertarikh 6 Ogos 2004 itu, tetapi keduanya telah gagal mematuhi perintah persetujuan itu. Kegagalan mereka berdua ini dengan jelas adalah merupakan satu penghinaan kepada perintah mahkamah yang dirakamkan secara persetujuan pada tarikh 6 Ogos 2004 lantas menghalang proses keadilan dari dilaksanakan. Oleh itu, di dalam keadaan Tan Kow Ee telah meninggal dunia, menunjukkan Khor Ah Sut sebagai pengarah syarikat kepada defendan pertama, maka perintah penghinaan terhadap mahkamah ini adalah dicatitkan terhadap Khor Ah Sut @ Kher Ah Sut. Oleh itu, jelaslah, suatu perintah pengkomitan wajar dikeluarkan dan dengan ini dicatatkan terhadap Tan Kow Ee dan Khor Ah Sut @ Kher Ah Sut akibat dari kegagalan mematuhi perintah persetujuan mahkamah bertarikh 6 Ogos 2004 tersebut.

I

(Di akhir prosiding yang dijalankan, selepas mendengar hujahan-hujahan dari kedua-dua pihak peguam dari segi mitigasi, mahkamah telah mensabitkan penama dan penama dikenakan hukuman denda sebanyak RM2,000, kegagalan membayarnya, dikenakan hukuman penjara dua (2) bulan. Penama telah menjelaskan bayaran denda tersebut).

A

B

C

D

E

F

G

H

I